

# Bengkel Pengurusan Makmal 2012

Artikel oleh: Fairendy Fairuz



Bengkel Pengurusan Makmal 2012 telah berjaya diadakan pada 27 hingga 28 Ogos 2012 dan dirasmikan oleh Dekan Sekolah Sains dan Teknologi, Prof. Madya Dr. Baba Musta. Peserta bengkel ini terdiri daripada seluruh kakitangan Makmal SST yang dipantau oleh Pegawai Sains SST. Bengkel ini merupakan satu inisiatif pihak pengurusan dan akademik SST untuk memberikan pendedahan secara praktikal dan teori kepada kakitangan makmal yang akan membantu para pensyarah dalam mengendalikan amali pelajar mahupun kerja lapangan. Bengkel ini amat penting untuk memantapkan minda dan pengetahuan kakitangan makmal dan seterusnya membolehkan kakitangan makmal lebih memahami tugas yang akan dilaksanakan. Di akhir bengkel, setiap peserta telah menduduki ujian bagi menilai keberkesan&n bengkel dan pemahaman peserta terhadap apa yang telah dipelajari sepanjang bengkel.